

Malaysia boleh naik ke *ranking* 110

Oleh HAKIMI ISMAIL

hakimi.ismail@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Selepas tersenarai dalam *'The Biggest Climbers'* sebagai pasukan paling meningkat pada *ranking* dunia kelmarin, Malaysia berpotensi besar berada dalam kelompok 110 pasukan bola sepak terbaik.

Kelmarin, Harimau Malaya mendaki tujuh anak tangga dalam *ranking* Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) dengan menduduki tangga ke-147 daripada 154.

Kejayaan menewaskan Brunei, Hong Kong (persahabatan), Bangladesh serta Turkmenistan (kelayakan Piala-Asia 2023) mendorong kepada kenaikan mendadak.

Menurut FIFA, Malaysia menyertai Greece (naik tujuh anak tangga ke *ranking* 48), Cuba 10 tangga (167) dan Kazakhstan 11 tangga (114) untuk muncul *The Biggest Climbers*.

Menurut pemerhati bola sepak tempatan, Mohd. Sadek Mustafa, berdasarkan prestasi anak-anak buah Kim Pan Gon, mereka mampu melonjakkan



HARIMAU Malaya mampu melonjak ke *ranking* ke-110 dunia dalam tempoh tiga tahun jika mengekalkan permainan konsisten, selain beraksi baik pada Piala Asia 2023.

Malaysia sehingga ke *ranking* 110 dunia dalam masa tiga tahun lagi.

Bagaimanapun, bagi memenuhi misi itu, Harimau Malaya perlu mempamer aksi terbaik pada Piala Asia 2023, di mana mereka melayakkan diri secara merit buat kali pertama dalam

tempoh 42 tahun.

"Paling utama, pemain yang wakili Harimau Malaya pada Piala Asia 2023 perlu memperlihatkan komitmen lebih tinggi berbanding aksi kelayakan dan mesti capai kejayaan besar.

"Kemudian, pasukan bawah 23 (B-23) tahun negara juga mes-

ti meningkatkan persembahan agar boleh menampung mana-mana kedudukan pemain skuad utama pada masa hadapan.

"Jika segalanya berjalan lancar, dalam masa tiga tahun tidak mustahil kita berada di *ranking* ke-110 dunia iaitu kedudukan hampir sama dengan Vietnam.

"Purata umur skuad utama sekarang juga bawah 25 tahun, jadi ia positif jika pemain kekalkan prestasi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mohd. Sadek yang merupakan Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam berkata, bagi meneruskan kecemerlangan pasukan, Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) juga perlu memainkan peranan besar.

Anak-anak buah Pan Gon mengumpul 1,057.59 mata dalam *ranking* terbaharu, sekali gus menyaksikan penambahan 22.53 mata berbanding sebelum ini.

Berdasarkan kedudukan tersebut, Malaysia berada di *ranking* ke-26 dalam kalangan negara Asia, dan keempat di Asia Tenggara selepas Vietnam (97), Thailand (111) dan Filipina (134).

Ranking terbaik yang pernah dicatat Malaysia adalah 75 pada 1993, manakala tahun 2018 memahat sejarah hitam dalam bola sepak negara apabila merudum ke tempat ke-178 iaitu kedudukan terburuk mereka.